

KENYATAAN AKHBAR

MAKLUMAT BERHUBUNG PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG OLEH TETUAN UNIVERSITY OF MALAYA.

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas, Majlis ingin menjelaskan berkenaan kronologi permohonan mencantumkan lot dan tukar syaratnya tanah daripada kediaman kepada institusi di bawah Seksyen 197 dan 76 Kanun Tanah Negara serta permohonan tanah kerajaan serentak dengan permohonan kebenaran merancang untuk meroboh 30 buah rumah sesebuah sediaada dan membina semula bangunan institusi (Universiti Malaya Health Metropolis) di Lot P.T 1,3,5,7,9,11,13,15 dan 17, Jalan 12/7, Lot P.T 1-12, 14, 16 dan 18 serta sebahagian tanah kerajaan di jalan 12/5, Lot P.T 32,34,36,38 dan 40 di jalan Universiti dan Lot P.T 44 di Jalan Bukit, Seksyen 12, Petaling Jaya untuk tetuan University of Malaya.

Pada 30 September 2011, unit OSC MBPJ menerima permohonan daripada tetuan The University Of Malaya melalui Jururancang Bandar Bertauliah Tetuan Arkitek MAA Sdn. Bhd. yang bercadang untuk mencantumkan Lot dan Tukar Syaratnya Tanah Daripada Kediaman Kepada Institusi di bawah Seksyen 197 dan 76 Kanun Tanah Negara.

Antara cadangan lain yang dikemukakan adalah permohonan ke atas tanah kerajaan (rizab jualan), cadangan untuk merobohkan 30 buah rumah sesebuah sediaada dan membina semula bangunan institusi (Universiti Malaya Helath Metropolis) yang mengandungi Pusat Pengajian Tinggi, Penyelidikan, Perkhidmatan Perubatan, Kemudahan Ruang Komersial Sokongan, Hotel Penjagaan Kesihatan dan Ruang Letak Kereta.

Pada 3 Oktober 2011 pula, Jabatan Perancangan Pembangunan menerima permohonan menerusi Unit OSC untuk proses kebenaran merancang.

7 Disember 2011, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat telah membuat keputusan untuk menolak permohonan tersebut kerana permohonan ini adalah bercanggah dengan Pelan Gunatanah Utama Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1, Pengubahan 1 yang menetapkan tapak cadangan sebagai "Zon Kediaman dan Perdagangan Terhad (bagi lot-lot menghadap Jalan Universiti).

Borang C (2) menerangkan berkaitan Penolakan Kebenaran Merancang telah dikeluarkan kepada pemohon pada 8 Januari 2012 yang lalu.

Pada 19 Januari 2012, Majlis Bandaraya Petaling Jaya menerima satu surat Lembaga Rayuan Negeri Selangor yang memaklumkan tentang penerimaan Rayuan Tan Sri Dr. Ghouth Jasmon bertarikh 12 Januari 2012 yang terkilan dengan keputusan Majlis.

Sebagai makluman, apa juga tindakan yang akan diambil selepas ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada keputusan Lembaga Rayuan Negeri Selangor.

Di sediakan Oleh:

Sekretariat Media,
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,
ahmadiskandar@mbpj.gov.my